

KEJAYAAN PERUSAHAAN KERETA NASIONAL
DI MALAYSIA DARI 1985 SEHINGGA 1987

Oleh

HANIZAM BTE RAHIM

NOR IZAH BTE YAHYA

SAZALI BIN ABU SAMAH

KHUZAIRI BIN AB. KHALID

ABD. RAHMAN BIN MD. YAASIN

Kertas Projek Yang Dikemukakan Kepada
Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang
Institut Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor
Untuk Memenuhi Sebahagian Dari Syarat Untuk
Memperolehi Diploma Pentadbiran Awam

Mei 1988

PEMBUKA KATA

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Bismillahirrahmanirrahim

Segala puji dan kesyukuran bagi Allah swt. Selawat dan salam ke atas junjungan Besar Nabi Muhammad saw., keluarga dan para sahabat Baginda. Terlebih dahulu kami mengucapkan syukur ke hadrat illahi kerana telah berjaya menyiapkan kertas projek yang bertajuk 'KEJAYAAN PERUSAHAAN KERETA NASIONAL DI MALAYSIA DARI TAHUN 1985 HINGGA 1987'.

Negara kita melangkah setapak lagi ke hadapan ke arah pembangunan perindustrian. Kilang Proton, Edaran Otomobil Sdn. Bhd. dan pengeluaran PROTON SAGA adalah bukti kesanggupan kita untuk mencapai objektif-objektif pembangunan perindustrian negara. Maka untuk memastikan projek komersial ini beroleh kejayaan yang menggalakkan ianya memerlukan sokongan bahawa Proton Saga adalah satu kebanggaan nasional, dan bukannya milik sesiapa.

Dengan fahaman melalui perbincangan ini diharap terjawablah segala desas-desus dari kebanyakan rakyat Malaysia akan kemampuan dan ketahanan Proton Saga memasuki era baru dalam industri motokar di Malaysia.

Sekian, wassalam wbr.

Pengarang

II APRIL 1988

PENGHARGAAN

Kami bersyukur ke hadrat ALLAH s.w.t kerana dengan sifat Pengasih dan PenyayangNya dapat kami menyiapkan satu kertas projek yang telah dijalankan. Di sini kami ingin menyampaikan rasa penghargaan kami kepada pihak-pihak yang terlibat yang telah memberikan tunjuk ajar dan kerjasama dalam menyiapkan kertas projek ini. Penyelidikan ini tidak akan berjaya seandainya pihak kami tidak mendapat bantuan dan sokongan dari mereka di mana banyak masa dan usaha mereka peruntukan untuk membantu kami menjalankan kaji-selidik.

Pertama sekali, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih buat Penasihat yang kami kasihi iaitu PUAN SABIHA ABD. SAMAD dari Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang yang telah banyak meluangkan masa dan fikiran dalam memberikan kami tunjuk ajar dan kritik yang membina hinggalah siapnya kertas projek kami ini. Nasihat-nasihat beliau begitu banyak membantu kami memperbaiki kelemahan-kelemahan yang dihadapi serta buah fikiran yang diberikan dapat menokok tambah kekurangan penyelidikan kami ini.

Disamping itu, kami juga ingin mengambil kesempatan untuk menyampaikan rasa penghargaan kepada individu-individu berikut yang mana mereka telah terlibat dalam memberikan kerjasama serta pertolongan dalam menyediakan penyelidikan ini.

1. Encik Mohd Fahrughazi
Asistant Manager
Market Developement Department
Marketing/Export Division
Perusahaan Otomobil Nasional Sdn. Bhd.

SINOPSIS

Dalam Bab Satu diterangkan ruang lingkup projek kajian serta batasan-batasan kerja. Seterusnya dalam bab dua menerangkan sikap serta matlamat kerajaan menekan dasar perindustrian berat di Malaysia yang berasaskan kemajuan teknologi. Selain daripada itu dibincangkan juga struktur dan fungsi PROTON di dalam bab ketiga, dan prestasi kewangan dan general affairs dalam bab seterusnya. Dalam bab lima, enam menjelaskan proses pengeluaran Proton Saga dan konsep serta langkah-langkah di ambil dalam pemasaran yang didukung oleh EON. Di dalam bab tujuh pula memperkatakan masalah-masalah serta cadangan atas masalah tadi. Bab seterusnya merupakan analisa kepada penyelidikan kami dengan melihat sejauhmana kejayaan yang dapat tercapai selama ini. Akhirnya sekali dalam bab sembilan ialah kesimpulan yang antara lain PROTON/EON telah bersedia untuk memimpin negara menikmati faedah-faedah daripada proses perindustrian yang semakin pesat.

.....00000000.....

I.0 PENDAHULUAN

I.1 Pengenalan

Perusahaan Otomobil Nasional Sdn. Bhd. atau PROTON ialah satu kejayaan negara. Kejayaannya adalah pencapaian aspirasi negara membuktikan kesediaan kita mencapai matlamat pembangunan perindustrian negara. Tugas berat ini telah mendapat sokongan dari Perbadanan Industri Berat Malaysia Berhad (HICOM) dan juga pengalaman serta kepakaran rakan-rakan usahasama dari seberang laut.

Pada 9hb. Julai 1985 satu tarikh yang tidak boleh dilupai dalam sejarah negara - Yang Amat Berhormat Seri Dr. Mahathir Mohamad Perdana Menteri Malaysia telah melakukan upacara perasmian pembukaan kilang Proton dan juga merasmikan perlancaran kereta untuk ditunjukkan kepada umum buat pertama kalinya.

PROTON berhasrat untuk mengeluarkan kereta Nasional berseendirian bermula dari konsep reka bentuk, pembangunan model, pembikinan 'prototype', penyelidikan dan ujian 'prototype' hinggalah kepada pembuatan di sini oleh PROTON sendiri.

Bagi memastikan pasaran kereta Nasional berjaya, Edaran Otomobil Nasional Sdn. Bhd. (EON) adalah sebuah syarikat